



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

MALAYSIA RAIH ANUGERAH ANTARABANGSA DI PERSIDANGAN REAAA 2025 GOYANG, REPUBLIK KOREA

Projek Jambatan Bagan Datuk–Kampung Sejagop Diiktiraf Sebagai Projek Terbaik
Asia-Pasifik

Goyang, Republik Korea, 31 Oktober 2025 – Malaysia terus mengukir kejayaan di pentas antarabangsa apabila Projek Membina Jambatan Bagan Datuk, Daerah Hilir Perak ke Kampung Sejagop, Daerah Perak Tengah yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia di bawah seliaan Kementerian Kerja Raya (KKR) berjaya meraih tempat kedua bagi kategori Jalan untuk Komuniti dalam Anugerah Projek Terbaik MINO (*Mino Best Project Award*) sempena Persidangan Ke-16 *Road Engineering Association of Asia and Australasia* (REAAA) di Goyang, Republik Korea.

Anugerah berprestij ini yang disampaikan di majlis kemuncak persidangan ini yang berlangsung dari 27 Oktober hingga 1 November 2025 adalah bagi mengiktiraf projek infrastruktur jalan raya yang memberikan impak besar kepada komuniti, dari segi teknikal, sosial dan ekonomi.

YB Menteri Kerja Raya Dato Sri Alexander Nanta Linggi menerima anugerah ini yang disampaikan oleh Presiden REAAA Dr Sung-Hwan Kim, di majlis penutup persidangan yang diadakan di *Korea International Exhibition Center* (KINTEX) hari ini.

Jambatan Bagan Datuk menghubungkan dua daerah utama di Perak — Hilir Perak dan Perak Tengah — yang sebelum ini dipisahkan oleh jarak jauh lebih 67 kilometer dan perjalanan lebih sejam. Kini, jarak itu dipendekkan kepada hanya 10 kilometer, mengambil masa kira-kira tujuh minit sahaja.

Kemudahan ini banyak memudahkan urusan harian penduduk, mempercepat penghantaran hasil pertanian dan membuka lebih banyak peluang ekonomi serta pelancongan di kawasan Bagan Datuk.

Reka Bentuk Canggih dan Mesra Alam

Jambatan ini menggunakan sistem jambatan integral dengan laluan bawah khas (*box culvert*) untuk memastikan penduduk sekitar dapat terus berhubung. Ia turut dilengkapi lampu navigasi bagi keselamatan kapal dan bot, serta dibina dengan mengambil kira faktor tanah gambut dan alam sekitar pesisir bagi menjamin kelestarian jangka panjang.

Hasil dan Kejayaan Projek

Projek ini kini menjadi pemangkin kepada rangkaian hubungan komuniti, memperkukuh akses dan mobiliti antara dua daerah utama di Perak serta meningkatkan taraf hidup penduduk tempatan. Ia juga menjadi model kejuruteraan yang seimbang antara kecekapan teknikal, kesejahteraan sosial dan kelestarian alam.

Selain kejayaan JKR Malaysia, seorang jurutera profesional negara, Dato' Ir. Dr. Dennis Ganendra daripada Minconsult Sdn. Bhd., turut diumumkan sebagai penerima Anugerah Hwang – pengiktirafan khas kepada individu yang banyak menyumbang kepada REAAA serta pembangunan kejuruteraan jalan raya serantau.

Menurut Dato Sri Alexander, kejayaan ini membuktikan bahawa keupayaan kejuruteraan Malaysia kini setanding dengan negara maju dan diiktiraf di peringkat antarabangsa.

“Ini bukan sekadar kemenangan sebuah projek, tetapi kemenangan seluruh warga kejuruteraan Malaysia. Ia mencerminkan keupayaan dan semangat kita membina infrastruktur yang bukan sahaja menghubungkan daerah, tetapi menyatukan kehidupan dan memajukan komuniti,” katanya.

“Dengan dua pengiktirafan utama — REAAA *Mino Best Project Award (Community Road Category)* dan REAAA *Hwang Award*, Malaysia sekali lagi membuktikan kemampuan tenaga kejuruteraan tempatan dalam menghasilkan projek yang berkualiti tinggi, berdaya tahan dan berorientasikan rakyat,” katanya.

#Tamat#

KEMENTERIAN KERJA RAYA

31 OKTOBER 2025

#KearahKesejahteraanRakyat

#JasaKepadaRakyat

#MYJALAN

#Jalankitatanggunjawabkita

#KerajaanMADANI

#MADANIbekerja